

## **BAB I : PERAMA**

## BAB PERTAMA.

### PENDAHULUAN.

#### 1.1. LATARBELAKANG MASALAH.

Meneliti perkembangan pembangunan ekonomi umat Islam hari ini, jelas kepada dunia bahawa mereka berada dalam kemunduran dan penindasan dari setiap penjuru kehidupan. Menurut perangkaan yang dikeluarkan oleh Bangsa-Bangsa Bersatu menunjukkan terdapat lebih 160 juta umat Islam berada dalam kemunduran dan menghadapi masalah kemiskinan yang teruk, tanpa memiliki beberapa keperluan asas. Fenomena ini jika diteliti, maka jawabnya adalah kerana mereka telah meninggalkan cara hidup yang telah ditetapkan oleh Islam dalam kehidupan mereka. Seterusnya kejahilan Umat Islam berleluasa dimana kesempatan ini telah diambil oleh musuh-musuh Islam untuk merosakkan umat Islam dan agama mereka yang mulia itu.

Setelah sekian lama Umat Islam tidur dan mundur iaitu sejak 15 Abad yang lepas maka muncullah satu generasi Intelektual Islam yang sedar dan menyeru supaya kembali kepada ajaran Islam yang sebenar dan melaksanakan syariat Islamiah dalam semua bidang termasuklah bidang sosial, politik dan ekonomi.

kesedaran ini adalah terbit dari pengalaman bahawa banyak negara-negara Islam telah membangun dengan salah satu atau campuran dari dua sistem ekonomi, iaitu campuran dari sistem ekonomi sosialis dan kapitalis. Meskipun usaha yang dilakukan adalah dengan niat baik, iaitu untuk mencapai kemajuan dan kesejahteraan, namun pembangunan yang diharapkan tidak tercapai, bahkan lebih meneguhkan lagi ekonomi negara-negara yang telah maju.

Faktor kegagalan ini adalah jelas kerana, faktor agama dan latarbelakang umat Islam tidak diambil kira. Dalam hal ini, kita sebagai generasi yang baru sedar dari kesilapan tidak harus menyalahkan pemimpin dengan cara melulu, tetapi sebaliknya dengan memberi kesedaran kepada pemimpin dan masyarakat agar kesilapan lalu tidak berulang lagi. Juga berusaha memperkenalkan kepada masyarakat tentang sistem pembangunan ekonomi menurut Islam yang memandang masyarakat itu sebagai 'satu keluarga bukannya sebagai satu kelompok yang berlainan darjat.'

### 1.1.1. SUMBANGAN, DERMA DAN SEDEKAH DALAM ISLAM.

Islam agama suci yang menuntut pemeluk-pemeluknya membelanjakan wang ringgit dan harta mereka kepada jalan Allah dan melarang sama sekali sikap membekukan harta. Amalan ini dikenali sebagai " Infaq " pada jalan Allah, antara cara-cara membelanjakan wang ringgit dan harta benda yang dituntut dalam Islam termasuklah :

i. Nafkah diri, isteri, anak-anak dan ibubapa.

ii. Zakat

iii. Pelaburan untuk masa depan keluarga.

iv. Pemberian kepada kaum kerabat.

v. Pemberian sumbangan amal jariah, derma dan sedekah.

Sesungguhnya orang yang mempunyai sifat suka bersedekah itu beruntunglah hidupnya di dunia dan di akhirat sepetimana firman Allah yang berbunyi :

مَنْ لِلَّهِ إِيمَانٌ فَنُورٌ هُوَ بِسِيرِ الرَّاهِينَ  
كُلُّ مُنْبِتٍ لِلَّهِ سَبِيلٌ وَاللَّهُ عَلَىٰ هُنَافِرِ  
هُنَافِرٍ وَاللَّهُ ذُو الْعِزَّةِ

Maksudnya :

" Bandingan (pahala) orang-orang yang membelanjakan harta mereka pada jalan Allah adalah seperti sebiji benih yang menumbuhkan tujuh tangkai; dan pada tiap-tiap tangkai itu pula terdapat seratus biji. Allah melipatgandakan (pahala) bagi sesiapa yang dikehendakiNya, dan Allah Maha luas (kurniaNya) lagi Maha Mengetahui".<sup>1</sup>

Orang yang sering bersedekah dengan ikhlas sering mengharapkan keredaan Allah s.w.t dan hidupnya selalu mendapat perhatian dari masyarakat juga menjadikan jiwanya tenang. Sementara itu diakhirat kelak akan mendapat ganjaran yang amat besar sepertimana firman Allah yang berbunyi <sup>2</sup>"

وَمِنْ لِذِيْهِ يُنْفَعُهُ أَمْرَاحُ ابْنَاءِ رَحْمَةِ اللَّهِ وَتَبْيَانًا  
صَدَقَ الْأَنْسُورُمْ كُلُّ حَيْثَ يَرِيدُهُ اهْمَانُهُ حَدِيلَةٌ مُؤْمِنَةٌ أَكْلَمُ  
خَيْرٍ فَإِنَّمَا لِمَ بَعْدِهِ أَبْلَغَ نَطْلَهُ وَاسْتِعْنَافُهُ بِغَيْرِهِ

Maksudnya :

"Umpama orang yang menafkahkan hartanya kerana menghendaki keredaan Allah dan menetapkan (keimanan) hatinya, seperti sebidang kebun yang terletak didataran yang tinggi dan ditimpa oleh hujan lebat, maka adalah hasil buahnya dua kali lipat ganda. Maka jika tidak ditimpa hujan lebat, memadailah hujan gerimis dan Allah Maha Melihat apa yang kamu kerjakan."

1. al-Quran, Surah al-Baqarah, ayat : 261

2. Ibid. ayat 265

Sebenarnya amalan bersedekah ini bukanlah hanya untuk orang yang berada sahaja, malahan orang-orang miskin juga boleh memberi sedekah setakat kemampuan mereka. Dalam sedekah sedikit atau banyak bukanlah menjadi ukuran, yang penting keiklasan dan kejujuran kerana Allah. Tidak bermakna sedekah itu jika untuk mendapat sanjungan serta pujian dari masyarakat.

Amalan bersedekah banyak kebaikannya. Antaranya ia boleh menjadi penawar dan ubat bagi golongan yang berhajat kepada bantuan dalam bentuk kebendaan, dapat membantu anak-anak yatim yang memerlukan pembelaan dan perhatian, serta golongan pelajar miskin yang memerlukan bantuan keperluan pembelajaran dan sebagainya.

Kalau ditinjau dari sudut saikologi pula, amalan ini sebenarnya dapat merawat beberapa penyakit rohani dan jiwa yang dihadapi oleh jiwa manusia. Amalan ini boleh mengurangkan amalan rakus dan tamak haloba yang berada dalam hati manusia. Memberi ketika ada menunjukkan kesyukuran kita ke atas nikmat yang dikurniakan oleh Allah kepada kita.

### 1.1.2. PENGERTIAN RINGKAS EKONOMI ISLAM.

Ekonomi Islam amat jauh berzanya dengan sistem ekonomi lain. Ekonomi Islam sangat unik, dimana tiada pemisahan antara ilmu ekonomi dengan agama sama sekali. Ini kerana pemikiran Islam berasaskan diatas konsep triangle ( segitiga ), iaitu Allah sebagai Pencipta dan Penguasa mutlak keatas semua makhluknya, manusia sebagai hamba dan khalifah dimuka bumi ini menerima perintah dan menikmati anugerahnya, manakala kekayaan alam pula mesti di manfaatkan oleh manusia dengan jalan yang selari dengan peraturan Khalidnya.<sup>3</sup>

Islam juga menuntut manusia menyerah diri bulat-bulat kepada Allah dan menghabiskan segala kegiatan hidup mereka untuk mengabdi kepada Allah semata-mata. Ini dapat difahami dari firman Allah yang berbunyi <sup>4</sup> :

\* ﴿لَا إِلَهَ إِلَّا وَهُوَ أَكْبَرُ وَلَا شَرِيكَ لَهُ بِلَيْلٍ وَنَهَارٍ﴾

3. Dr. Sabri Salomaon, Pengenalan sistem ekonomi Islam dan kemungkinannya, Kuala Lumpur, Terbitan Al Rahmaniah, 1989, hal 24.

4. Al-Quran, Surah al-An'am, ayat 162

Maksudnya :

" sesungguhnya sembahyangku, ibadatku, hidupku dan matiku adalah semata-mata untuk Tuhan seluruh alam."

Manakala asas dan falsafah ekonomi Islam pula tergambar dalam konsep Tauhid. Dimana dengan memahami konsep Tauhid, manusia tidak akan bertindak dengan sewenang-wenangnya tanpa memikirkan padahnya didunia dan diakhirat kelak.<sup>5</sup> Dalam konsep ini, manusia akan meletakan nilai dan institusi yang membantu untuk membina sebuah masyarakat yang bertanggung jawab serta sensitif kepada segala gerak geri yang sentiasa merasakan bahawa Allah sentiasa mengawasi dan mengadilinya. Islam juga memberi tanggungjawab kepada setiap individu dalam bentuk missi bagi mencapai ketinggian akhlak dan menyifatkan segala kemewahan ini sebagai alat dan bukanlah sebagai matlamat.

Islam telah mencorakkan satu sistem ekonomi yang mewajibkan penggunaan segala sumber pemberian Tuhan dengan cara yang ditentukan untuk kebahagiaan umat Manusia. Ia menjadikan harta tersebut sebagai satu amanah dari Allah dan menggunakannya dengan cara

---

5. Ibid, hal : 25.

yang betul. Penggunaan dalam Islam adalah semata-mata untuk memperolehi keselesaan bagi memperhambakan diri kepada Allah. Penggunaan juga tidak hanya terhad kepada diri sendiri saja, malah setiap individu muslim seharusnya merasa senang dan puas hati jika dapat menolong orang lain. Dengan cara ini dapat mengelakkan dari berlakunya pembaziran dan penggunaan yang melampau kerana Islam telah menuntut kesederhanaan dalam penggunaan dan penjimatan terhadap sumber anugerah Ilahi.<sup>5</sup>

Dalam hal ini Allah telah mengingatkan supaya jangan membazir dan boros seperti firmanNya yang berbunyi<sup>6</sup>:

وَالَّذِينَ إِذَا أَنْفَقُوا مِمْْبَارِهِمْ لَمْ يَنْتَرِدُ وَكَانُوا  
فَلَلَّا فَوَّا مَا .

Bermaksud:

"Dan orang-orang apabila membelanjakan (harta) mereka tidak berlebihan, dan tidak pula bakhil (terlalu sedikit) dan adalah perbelanjaan itu dilakukan dengan keseimbangan."

---

<sup>5</sup>. Syed Othman Alhabsi, Islam, Ekonomi dan Pengurusan, Syah Alam, Terbitan Al-Hizbi, 1989, hal: 48.

<sup>6</sup> al-Quran, Surah al-Furqan, ayat 67.

Dalam Islam setiap manusia adalah bersaudara dimana setiap individu bertanggung jawab terhadap dirinya sendiri dan terhadap individu lain, Dalam bidang ekonomi Allah memerintahkan manusia supaya berkerjasama demi menjamin kestabilan sosial yang berteraskan kepada ajaran Islam.

Barang-barang ekonomi adalah merupakan wasilah untuk hidup dan hidup itu pula merupakan wasilah untuk mencapai keredaan Allah. Oleh itu untuk mencapai kejayaan didunia maupun diakhirat, seluruh hidup mestilah menjadi satu gerakan kerjasama kearah mencapai matlamat bersama.

Dalam Islam tidak ada pemisahan antara benda dengan rohani. Segala aktiviti ekonomi yang tidak bertentangan dengan Syariat Islam adalah dikira sebagai Ibadah. Islam tidak mengenal pemisahan antara Metafizika, keperluan jasmani dan rohani.

Seperti sistem ekonomi lain Islam juga mempunyai prinsipnya sendiri. Prinsip-prinsip tersebut terbentuk atas tiga prinsip yang utama iaitu:<sup>7</sup>

---

7. Dr. Sabri Salomon. Op.Cit, hal. 36

- i. kebebasan berlandaskan kepada nilai-nilai akhlak.
- ii. Hak Milik.
- iii. Keadilan sosial.

i. Kebebasan berlandaskan nilai-nilai akhlak.

Islam memberi kebebasan kepada seseorang dalam aktiviti ekonomi, tetapi kebebasan itu terbatas dalam nilai-nilai akhlak. Islam memberi kebebasan kepada seseorang dalam bidang ekonomi dalam dua espek iaitu pertama, kebebasan dalam lingkungan dan peraturan Syariat Islam, segala amalan yang bertentangan dengan Syariat dianggap sebagai menyalahgunakan kebebasan, yang mana keburukanya lebih besar dari kebaikan.

ii. Islam tidak melihat hak milik dari segi ekonomi saja tapi juga melihat dalam segi lain termasuklah psikologi, realiti, sosial, perimbangan politik dan gerakan. Islam menganggap hak milik sebagai panduan pembinaan masyarakat untuk meneguhkan espak-espek lain.

Islam telah menetapkan beberapa panduan dalam memiliki harta benda antaranya :

- i. Dalam memiliki harta benda mestilah dengan cara yang halal.

ii. Hendaklah mengeluarkan Zakat.

iii. Hendaklah mengelakkan berlakunya perluasan jurang pendapatan dan agihan kekayaan dan dilarang menggunakan harta kekayaan yang boleh membahayakan orang lain dan alam sekitar.

c. Untuk menjamin keadilan dan kestabilan sosial juga merupakan salah satu tujuan Syariat. Ini terbukti oleh hakikat bahawa dunia ini dicipta semata-mata untuk menegakkan keadilan sebagaimana firman Allah yang berbunyi :

وَمَا فِتْنَةُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَمَا يَنْهَا الْأَرْبَاحُ<sup>8</sup>

Yang bermaksud:

" Dan tidak kami jadikan langit, bumi dan segala yang terdapat diantara keduanya kecuali untuk keadilan ."

Untuk mencapai tahap keadilan dan kestabilan sosial ini, Islam mengariskan konsep campur tangan pihak kerajaan atau penguasa dalam kegiatan ekonomi samada dalam bentuk pengurusan , agihan dan perancangan.

---

8. Al-Quran, Surah al-Hijr, ayat 85.

Dalam hal ini, Mohammad Abdullah al-Arabi ada mengatakan pihak berkuasa yang diberi kepercayaan oleh rakyat adalah bertanggungjawab menjaga dan memelihara peraturan masyarakat, khususnya untuk menjaga dan menegakkan keadilan Ilahi.<sup>9</sup>

Daripada perbincangan diatas, dapat dibuat kesimpulan bahawa Islam memandang ekonomi sebagai salah satu espek hidup yang dikawali oleh Syariat seperti juga espek-espek hidup yang lain. Dalam ertikata yang lain, dapat dikatakan bahawa ekonomi dan etika tidak boleh dipisahkan kerana ekonomi Islam adalah berdasarkan kepada prinsip-prinsip Syariat yang diwahyukan.

### 1.1.3. PEMBANGUNAN EKONOMI MENURUT PERSPEKTIF ISLAM.

Tujuan sebenar pembangunan ekonomi ialah untuk mencapai kemajuan ekonomi, ini bermakna pendapatan sebenar tiap-tiap orang bertambah dan mereka boleh hidup dengan lebih mewah. Misalnya di Jepun, oleh kerana keamajuan ekonominya yang tinggi setiap keluarga petani dan nelayan mempunyai sekurang-kurangnya satu peti television.

---

9. Muhammad Abdullah al-Harabi, Al-Iqtisad al-Islam Wal Iqtisad al-Mu'asir, Kaherah, 1966, hal : 214.

Dalam pemikiran Islam apa yang dimaksudkan dengan pembangunan ekonomi ialah pengolahan masyarakat terhadap bahan-bahan yang disediakan oleh Allah dengan cara sebaik-baiknya dan mengagihkan dengan seadil-adilnya terhadap anggota masyarakat. Peningkatan pengeluaran hendaklah disertai dengan pembaikan sistem pengagihan, dimana kedua-duanya tidak boleh dipisahkan kerana kalau dipisahkan kedua-dua faktor itu akan menghasilkan pertumbuhan monopoli dan penindasan.<sup>10</sup>

Jadi apa yang ditekankan oleh Islam dalam pembangunan ialah dua perkara pokok, iaitu pengolahan bahan-bahan yang diharuskan oleh syariat dan pengagihan yang adil dikalangan anggota masyarakat.

Menurut Raja Muhd. Affandi,<sup>11</sup> ada enam perkara yang mempengaruhi pembangunan ekonomi iaitu tanah, buruh, modal, pengusaha, teknologi dan suasana masyarakat.

---

10. Dr. Sabri Salomon, Op. Cit, hal : 54.

11. Raja Muhammad Affandi, Peranan Islam Dalam Pembangunan Ekonomi, Kumpulan rencana pilihan DEB, 1965-72, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1979, hal : 41

Didalam proses pembangunan ekonomi Islam, fokus utamanya ialah keatas manusia itu sendiri yang menjadi egen kepada proses pembangunan seluruhnya. Manakala kebendaan atau faktor-faktor di atas dan urusan teknikal adalah merupakan wasilah untuk mencapai pembangunan ekonomi.

Oleh kerana itulah hasil bumi, tenaga manusia, modal dan tingkat pengeluaran teknologi yang tinggi belum tehtu dapat menjamin tercapai pembangunan ekonomi kalau tidak ada orang yang boleh mengatur keempat - empat faktor tadi dengan kombinasi yang tertentu untuk mengeluarkan barang-barang.<sup>12</sup>

Jelasnya pembangunan sesuatu masyarakat atau kawasan lebih banyak dicerakkan oleh kumpulan manusia yang ada di sesuatu tempat itu samada menghala kepada kebaikan atau keburukan.

Jadi, apabila membincangkan soal manusia sebagai tumpuan utama dalam proses pembangunan, maka matlamat pembangunan itu sendiri patut diberi keutamaan. Dalam hal ini Islam bukan saja memberi

---

12. Ibid, hal : 43.

penekanan kepada kuantiti dan potensi tenaga manusia tetapi juga merangkumi kualiti dan akhlak manusia secara serentak. Untuk mencapai matlamat ini sistem pendidikan adalah amat penting untuk membentuk peribadi, sikap dan akhlak manusia dengan berlandaskan kepada sumber al-Quran dan as-Sunnah.

Disamping itu, mengusaha dan meningkatkan pengeluaran negara secara baik dan berterusan adalah satu objektif yang penting yang patut juga diberi penekanan di dalam pembangunan ekonomi, sebagaimana firman Allah yang berbunyi:

\* فَيَرْبُو مَا دُرِّضَ وَاسْتَكْمَلَ فِيهَا \*

Maksudnya:

"Dia telah menjadikan kamu dari tanah, dan kamu dituntut untuk memakmurkannya".

Kesannya, pendapatan negara dan seterusnya meningkatkan taraf hidup rakyat serta memakmurkan negara. Walaubagaimanapun pengeluaran yang bertambah itu harus diusahakan dengan beberapa syarat, antaranya:<sup>14</sup>

13. Al-Quran, Surah Hud, ayat 61.

14. M.A. Manan, *Islamic Economics Theory and Practise*, New Delhi, Jayyed Press, 1980, hal :44.

i. Kuantiti dan kualiti barang dan perkhidmatan diusahakan dengan cara pengeluaran yang paling cekap.

ii. Jenis pengeluaran dan perkhidmatan yang dikeluarkan hendaklah selari dan selaras dengan keperluan dan kesejahteraan hidup rakyat.

Seterusnya apabila pengeluaran barang dan perkhidmatan dapat dilaksanakan, maka timbul pula persoalan tentang pengagihannya. Hal ini amat berkait rapat dengan konsep kebijakan ekonomi. Dari pandangan Islam, konsep kebijakan ekonomi ini bukanlah diukur dari jumlah keseluruhan pengeluaran barang dan perkhidmatan tetapi ianya diukur dari segi pertambahan dan pengeluaran barang-barang yang baik dan diperlukan oleh masyarakat<sup>15</sup>.

Secara umumnya pengeluaran tidaklah bererti pengeluaran serba serbi yang mempunyai permintaan atau hanya untuk golongan atasan sahaja. Tetapi pengeluaran hendaklah menitikberatkan barang-barang

---

15. Dr. Anas Zarga, Ekonomi Islam Satu Pendekatan Kebajikan Manusia, Terjemahan oleh Jaafar Ahmad, Kuala Lumpur, Jabatan Perdana Menteri, 1983, hal : 19-27.

yang baik dan berguna serta berfaedah kepada semua manusia. Oleh itu Islam tidak membenarkan sama sekali pengeluaran barang yang tidak berfaedah dan yang telah diharamkan.

Pembangunan ekonomi Islam juga menjaga keadaan sosial-ekonomi masyarakat supaya berada dalam keadaan yang baik dan sempurna mesti ditekankan. Usaha-usaha kearah menggangu ketenteraman hidup atau cuba menggunakan sumber alam secara membazir serta menindas mestilah dihindarkan. Perancangan perlu diambil untuk membaiki kehidupan semua orang dan berusaha untuk mencapai jaminan kualiti hidup dan alam sekitar melalui kesejahteraan moral, ekonomi dan sosial.

Dalam hal ini Allah telah mengingatkan manusia dalam Al-Quran supaya jangan membuat pencemaran dan kerosakan dimuka bumi ini dengan firmanNya yang berbunyi :

كُلُوا وَاسْتَرِبُوا مِنْ رِزْقِنَا وَلَا تُنْصِرُوا خَالِدَةَ زَرْفَةٍ

Maksudnya:

"..... makan dan minumlah rezeki Allah dan jangan kamu rosakkan bumi ini."

Menurut Prof Dr. Khurshid Ahmad dalam bukunya " Economic Delepmen in an Islamic Framework " beliau mengatakan bahawa keutamaan dalam pembangunan ekonomi mestilah diberi sekurang-kurangnya dalam hal-hal berikut :-<sup>17</sup>

- a. Mewujudkan peluang pekerjaan dengan segala pengubahsuaian yang bersifat struktural, teknologi, pelaburan dan pendidikan.
- b. Melaksanakan satu sistem sosial yang meluas untuk menampung keperluan bagi mereka yang tidak berdaya mendapat pekerjaan yang berfaedah atau yang patut mendapat pertolongan dan bantuan dari masyarakat. Zakat yang akan menjadi teras kepada sistem ini.
- c. Pengagihan pendapatan dan harta, perlu diujudkan satu dasar pendapatan yang berkesan untuk meninggikan pendapatan yang berpendapatan rendah dan berusaha mengagihkan harta dan kuasa dalam masyarakat secara lebih baik dan adil. Ini akan mengurangkan jurang perbezaan dalam pendapatan.

---

17. Prof. Dr. Khurshid Ahmad, Economic Development in an Islamic Framework, Leicester, U.K., The Islamic Foundation, 1979, hal : 15.

Untuk membaiki lagi kualiti hidup, maka penyelidikan dan mempelajari teknologi moden juga penting untuk memobilisasikan sumber-sumber alam yang ada dalam negara serta untuk kepentingan dan kebajikan umat Islam sepenuhnya.

Untuk mencapai matlamat ini, hubungan dan kerjasama antara negara-negara Islam hendaklah dieratkan, supaya dapat menghindarkan dari berlakunya sikap berharap dan pergantungan ekonomi kepada negara-negara bukan Islam.

Untuk mencapai pembangunan ekonomi seperti yang dibincangkan diatas adalah tidak semudah seperti yang diungkapkan. Apa yang penting setiap umat Islam mestilah terlebih dahulu mempersiapkan diri dengan menghayati setiap ajaran Islam serta mengamalkanya dengan penuh ketakwaan. Selagi umat Islam mengabaikan tuntutan agama dalam kehidupan mereka sehari-hari selagi itulah segala cita-cita dan harapan untuk mewujudkan satu sistem pembangunan ekonomi seperti yang dicita-citakan tidak akan tercapai.

#### 1.1.4. SISTEM EKONOMI MALAYSIA SEKARANG.

Untuk menentukan sistem ekonomi yang sedang beroperasi di Malaysia sekarang agak susah, kerana tidak ada bukti yang jelas mengenainya. Cuma apa yang jelas ianya merupakan satu sistem campuran antara sistem ekonomi Kapitalis dan Sosialis yang lebih mirip kepada sistem ekonomi Kapitalis. Dimana sistem ekonominya berasaskan kepada pasaran bebas. Oleh sebab itu penentu kepada pengagihan segala sumber atau barang ialah harga yang dicapai oleh permintaan dan penawaran. Walaupun demikian kerajaan mempunyai peranan tertentu dalam penentuan terhadap harga barang perlu dan barang yang lain<sup>18</sup>.

Sistem kewangan Malaysia juga berasaskan kepada prinsip pasaran bebas dengan campur tangan pihak kerajaan dalam keadaan tertentu. Oleh kerana sistem ini ala kapitalis, maka faktor utama yang menentukan pengagihan yang cekap ialah interest atau faedah yang dianggap sebagai harga kepada penawaran dan permintaan wang (modal). Dalam keadaan sekarang,

---

18. Syed Othman Al-Habshi, Op. Cit, hal : 99.

institusi-institusi kewangan samada bank atau bukan bank menjalankan dua tugas utama pertama, menyediakan kemudahan untuk penabungan dan yang keduanya menyediakan kemudahan untuk membuat pinjaman wang. Kedua-dua tugas ini berdasarkan kepada kadar faedah.

Manakala untuk merancang pembangunan ekonomi dan kemajuan masyarakat, kerajaan telah menubuhkan sebuah pertubuhan perancang yang dinamakan Bahagian Perancang Ekonomi. Selain dari itu, Jawatankuasa Pembangunan Negara dan Jawatankuasa Ekonomi Kabinet juga telah ditubuhkan. 19

.

Tujuan ditubuhkan bahagian Perancangan Ekonomi ialah untuk merancang dan menyampaikan rancangan perbelanjaan modal, mengusaha dan menyelaraskan kerja-kerja yang berkaitan dengan menyediakan belanjawan perbelanjaan, menaksir kemajuan dan hasil dari rancangan pembangunan, memberi nasihat kepada kerajaan dalam masaalah am ekonomi serta mengadakan penyelidikan dalam masaalah ekonomi.

---

19. Datuk Abd. Aziz, Pengenalan Kepada Jentera Pentadbiran Kerajaan Malaysia, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, 1980, hal : 63.

Rancangan-rancangan pembangunan pula akan diserahkan kepada Majlis Ekonomi Negara atau kepada Kabinet melalui Jawatankuasa Perancang Pembangunan Negara (JPPN) untuk pertimbangan. Majlis Ekonomi pula akan menasihatkan kerajaan mengenai perkara-perkara am dasar ekonomi yang disampaikan kepadanya. Manakala JPPN pula bertanggungjawab membuat taksir dan mengkaji semula rancangan pembangunan tersebut.

---

#### 1.1.5. KEADAAN EKONOMI UMAT ISLAM MALAYSIA.

Malaysia yang terdiri dari rakyat yang berbilang keturunan mempunyai anggaran penduduk berjumlah 16.96 juta orang penduduk. Dari keseluruhan penduduk ini, dianggarkan jumlah umat Islam di Malaysia adalah disekitar 52% dari keseluruhan rakyat. Walaubagaimanapun kekuatan ekonomi mereka adalah sangat kecil jika dibandingkan dengan peratusan keramaian mereka. Dari 19% jumlah pegangan bumiputra dalam bidang ekonomi mungkin hanya sekitar 10% sahaja yang dipegang oleh individu muslim.<sup>20</sup>

---

20. Kerajaan Gagal bentuk kemuniti perniagaan Umat Islam, Harakah, jumaat 15 Sept. 1989.

Menurut kajian perangkaan kerajaan, menunjukkan 14% orang Melayu Islam dinegara ini berada dibawah paras kemiskinan. Kebanyakan mereka ini tinggal diluar bandar dan bergiat dalam bidang pertanian ataupun sebagai nelayan. Kehidupan mereka terlalu bergantung kepada harga pasaran tanaman dan penghasilan yang mereka perolehi. Hanya sebilangan kecil sahaja orang Islam yang tinggal dikawasan bandar dan bergiat cergas dalam bidang perusahaan dan perdagangan.

Keadaan ini terjadi kerana situasi dan pengagihan ekonomi yang tidak seimbang. Diatas kesedaran ini, pihak kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk menyusun semula ketidakseimbangan ekonomi dikalangan penduduk Malaysia. Antara langkah yang diambil ialah dengan melaksanakan Dasar Ekonomi Baru (DEB) dengan tujuan dalam masa dua puluh tahun orang Melayu dan bumiputra akan mengendalikan dan menguasai sekurang-kurangnya 30% daripada keseluruhan kegiatan ekonomi dalam setiap ketogori dan peringkat.<sup>21</sup>

---

21. Teks ucapan bekas Perdana Menteri Malaysia, Allaharham Tun Abd. Razak, di perhimpunan Agung UMNO ke 22 di Kuala Lumpur, Utusan Malaysia, 24hb Julai 1971.

Untuk menjayakan rancangan ini kerajaan telah menubuhkan agensi yang mendapat bantuan dari kerajaan seperti Majlis Amanah Rakyat (MARA), Syarikat Permodalan Malaysia Berhad (MIDF), Pusat Daya Pengeluaran Negara (PDPN), Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN), Perbadanan Kemajuan Nasional (PERNAS) dan sebagainya. Perbadanan-perbadanan ini memainkan peranan yang penting untuk menjayakan matlamat DEB tersebut.

Namun begitu Umat Islam Malaysia masih mampu beriktiar untuk mengatasi masalah kemiskinan mereka dengan memperbaiki kegiatan ekonomi yang bercorak keislaman seperti yang dimainkan oleh Institusi kewangan Islam seperti Baitulmal, Bank Islam, Takaful Islam, Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia dan sebagainya.

## 1.2. PENGERTIAN TAJUK.

Untuk menghuraikan tajuk kajian ini, penulis merasakan perlu diberikan beberapa definisi kepada beberapa perkataan yang penting bagi menambah kefahaman yang mendalam mengenainya. Perkataan "

"konsep" disini adalah bererti pengertian atau pendapat yang terbentuk didalam dalam fikiran mengenai tanggapan, gagasan atau idea.<sup>22</sup>

Manakala perkataan " sumbangan" diambil dari perkataan sumbang yang memberi maksud sesuatu yang diberikan sebagai bantuan atau sokongan, bantuan dan pertolongan yang diberikan.<sup>23</sup>

Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia atau YPEIM adalah sebuah pertubuhan/ Yayasan yang telah ditubuhkan secara sah pada 13hb. Oktober, 1976, yang telah didaftar dibawah " Trustee Incorporation Act. 1975". Tujuan menubuhkan Yayasan ini ialah untuk mengumpul sebanyak mungkin sumbangan amal jariah, derma dan sedekah dari semua pihak dan seterusnya melaksanakan aktiviti-aktiviti untuk meninggikan syiar Islam dalam semua bidang dengan berlandaskan kepada syariat Islam.

Manakala maksud umat Islam pula ialah satu umat manusia dimana cara dan amalan hidup mereka mencerminkan pemahaman mereka selari dengan Kalimah

-----  
22. Dr. Tengku Iskandar, Kamus Dewan, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1984, hal : 601.

23. Ibid, hal : 1238.

**Shahadah.** Ini memberi erti bahawa Umat Islam yang sebenar ialah mereka yang mempunyai sifat-sifat yang tersendiri dimana segala espek hidupnya adalah berlandaskan kepada ajaran Islam yang sebenarnya dan mengabdikan dirinya hanya semata-mata kepada Allah sahaja.

Walaubagaimanapun maksud penulis dalam kajian ini ialah sebuah masyarakat yang beragama Islam di Malaysia tanpa mengira samada mereka samada mereka benar-benar telah melaksanakan tuntutan Islam ataupun tidak.

Rumusan dari definisi perkataan diatas. Penulis bermaksud untuk menyatakan tentang konsep yang dipegang oleh YPEIM yang merupakan asas perjalannya dan mengemukakan beberapa sumbangan yang telah dihulurkan oleh YPEIM untuk meninggikan Syiar Islam dan membangunkan taraf ekonomi umat Islam di Malaysia.

### 1.3. TUJUAN PENYELIDIKAN.

Latihan ilmiah ini ditulis dengan mempunyai beberapa matlamat yang hendak dicapai. antara matlamatnya ialah :

#### 1.4. MASALAH KAJIAN.

Dalam kajian sudah pasti akan bertembung dengan sedikit sebanyak masalah. begitu juga dalam kajian ini, penulis telah menghadapi berbagai-bagai masalah, antaranya :

a. Masa yang suntuk untuk menyiapkan satu kajian yang memuaskan disebabkan kelewatan penulis memulakanya. Ini amat dikesali oleh penulis.

b. Kekurangan maklumat tentang YPEIM dari sumber-sumber lain selain dari risalah-risalah yang telah dikeluarkan oleh YPEIM.

Walaubagaimanapun, untuk mendapatkan maklumat mengenai YPEIM penulis umumnya tidak menghadapi banyak masaaalah kerana sebahagian besar sumber kajian ada terdapat di pejabat YPEIM, lagipun pegawai-pegawai YPEIM sedia berkerjasama untuk memberi sebarang maklumat yang diperlukan.

## **1.5 METHODOLOGI.**

Dalam penulisan ini penulis telah menggunakan beberapa metode antaranya :

### **1. Metode Pengumpulan Data.**

Dalam usaha untuk mendapatkan data dan fakta, penulis telah menggunakan metode berikut :

a. Metode Historis, iaitu cara penyelidikan yang mengaplikasi pemecahan ilmiah dari perspektif historis tentang masalah yang dibahas dalam penulisan ini.

b. Metode Dokumentasi, iaitu cara pengumpulan data dengan menggunakan dokumen yang berhubungan dengan masalah yang dibahas dalam penulisan ini.

c. Metode Interview, iaitu cara pengumpulan data yang dilakukan melalui interview dengan pegawai YPEUM untuk mendapatkan maklumat yang lengkap.

## 2. Metode Analisa Data.

Dalam menganalisa data, penulis menggunakan metode Analitis Diskriptis Kuantitatif yang secara nyatanya menggunakan metode berikut :

a. Metode Induktif, iaitu menarik kesimpulan dari beberapa data yang dianalisa khusus untuk mencari kesimpulan yang bersifat umum.

b. Metode Deduktif, iaitu cara menarik kesimpulan yang berpangkal dari dalil-dalil yang bersifat umum untuk dijadikan kesimpulan yang bersifat khusus.

c. Metode Komperatif, iaitu cara membuat kesimpulan dengan melakukan perbandingan-perbandingan terhadap segala data dan fakta yang diperolehi. Dimana diutarakan sebanyak lima bab, iaitu Bab Pertama, Bab Kedua, Bab Ketiga, Bab Keempat dan Bab Kelima.

Dalam Bab Pertama iaitu Bab Pendahuluan penulis menyentuh perkara yang berkaitan dengan masalah ekonomi dengan memberi pengertian secara

ringkas definasi ekonomi Islam dan pembangunan Islam. Penulis juga memberi gambaran secara lengkap keadaan ekonomi yang beroperasi di Malaysia kini dan keadaan ekonomi umat Islam di Malaysia.

Dalam Bab Kedua pula, penulis membincarakan tentang landasan teori yang mengandungi antara lainnya faktor-faktor yang membawa kepada tertubuhnya YPEIM, struktur organisasi dan matlamat penubuhannya. Penulis juga telah mengemukakan tentang bagaimana YPEIM memperolehi sumber-sumber kewangan dan aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan oleh YPEIM.

Metode yang telah digunakan oleh penulis dalam menyiapkan kajian ilmiah ini disebut dalam Bab Ketiga secara detail. Antara metode yang digunakan ialah Metode Historis, Metode Dokumentasi, Metode Interview dan Metode Observasi atau Metode pengamatan.

Dalam Bab Keempat, penulis telah membincangkan hasil kajian yang telah dijalankan. Bab ini merupakan bab kemuncak keseluruhan kajian. Penulis juga meneliti fakta dan data-data yang diperolehi serta natijah yang sesuai dengan tajuk yang dikemukakan.

Akhir sekali beberapa kesimpulan dan saranan boleh ditemui dalam Bab Kelima yang merupakan bab penutup pada keseluruhan penulisan bab ini. Saranan dan cadangan yang diberikan adalah untuk kebaikan bersama yang diutarakan sekadar kemampuan terbatas penulis.

## 1.6. SUSUNAN PENULISAN.

---

Penulis cuba mengemukakan bentuk penulisan yang agak sistemetic didalam penyusunan penulisan ilmiah ini, dimana diutarakan sebanyak lima Bab iaitu Bab Pertama, Bab Kedua, Bab Ketiga, Bab Keempat dan Bab Kelima.

Dalam Bab Pertama iaitu Bab Pendahuluan penulis menyentuh beberapa perkara yang berkaitan dengan masalah ekonomi dengan memberi pengertian secara ringkas pergerian ekonomi dan pembangunan Islam. Penulis juga memberi gambaran secara ringkas mengenai keadaan ekonomi yang sedang beroperasi di Malaysia dan keadaan ekonomi umat Islam di Malaysia.

Dalam Bab Kedua pula, penulis membincarakan tentang landasan teori yang mengandungi antara

lainnya faktor-faktor yang membawa tertubuhnya YPEIM, struktur organisasi dan matlamat penubuhannya. Penulis juga telah mengemukakan bagaimana YPEIM mendapat sumber kewangannya dan aktiviti-aktiviti yang telah dijalankannya.

Metode yang digunakan oleh penulis dalam menyiapkan kajian ilmiah ini disebut dalam Bab Tiga secara ditil. Antara metode yang digunakan ialah metode Historis, dokumentasi, interview dan metode Observasi atau pengamatan.

Dalam Bab Empat, penulis telah membincangkan hasil kajian yang telah dijalankan. Penulis juga telah meneliti fakta dan data-data yang di perolehi serta natijah yang sesuai dengan tajuk yang dikemukakan.

Akhir sekali beberapa kesimpulan dan saranan boleh ditemui dalam Bab Lima. Saranan dan cadangan yang diberikan adalah untuk kebaikan bersama yang diutarakan sekadar kemampuan terbatas penulis.